

10 OCT 2001

Abdullah-Jihad

NASHARUDDIN TIDAK PATUT BUAT SARANAN JIHAD, KATA ABDULLAH

LANGKAWI, 10 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Setiausaha Agung Pas Nasharuddin Mat Isa tidak sepatutnya meminta rakyat negara ini supaya pergi berjihad bersama puak Taliban menentang Amerika Syarikat.

"Beliau tidak sepatutnya merekomennkannya kepada rakyat Malaysia kerana kita tidak patut campur tangan dengan apa yang berlaku di Afghanistan," kata timbalan Perdana Menteri ketika diminta mengulas kenyataan Nasharuddin berhubung perkara itu hari ini.

Abdullah sebelum itu menghadiri mesyuarat mingguan kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Rumah Kabinet di puncak Gunung Raya di sini hari ini.

Dalam laporan akhbar hari ini, Nasharuddin dilaporkan sebagai berkata Pas telah mengisytiharkan jihad terhadap Amerika Syarikat berikutan serangan terhadap Afghanistan dan memberi lampu hijau kepada anggota parti itu berjuang bersama pasukan Taliban.

"Dia mungkin bertindak sedemikian untuk mencari populariti," kata Abdullah.

"Kita bersimpati dengan apa yang berlaku tetapi itu tidak bermakna kita patut hantar rakyat Malaysia terlibat dengan hal ehwal negara lain, jika kita mengambil kira bahawa perang saudara antara kumpulan Rabbani dan Taliban sedang berlaku dengan hebat di Afghanistan," katanya.

Ketika ditanya pendirian kerajaan sama ada akan menghalang perkara itu atau tidak, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata: "Kita tak tahu sama ada, ada rakyat kita yang telah pergi untuk berjihad kerana ini adalah satu perkara yang kita pada waktu ini tidak terlibat kerana pendirian kita tidak menyokong tindakan Amerika menyerang negara itu."

Katanya perkara itu tidak dibincang langsung dalam mesyuarat Kabinet hari ini.

"Yang penting pendirian kerajaan secara umum mendapat sokongan rakyat," katanya.

Beliau berharap semua pihak perlu bersama-sama dalam hal ini untuk menjayakan usaha kerajaan yang mahu agar satu persidangan mengenai keganasan dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya wakil-wakil dari negara terlibat dapat hadir dan berbincang kerana banyak isu berkait dengan keganasan.

"Siapakah yang dikatakan pengganas...sama ada pejuang kebebasan bagi sesebuah negara itu juga dianggap sebagai pengganas, itu juga satu persoalan," katanya.

Abdullah berkata usaha mengatasi keganasan tidak terhad pada sesebuah negara tetapi memerlukan persefahaman dan kerjasama antara kerajaan.

"Dengan cara itu, maklumat dapat dikongsi, kerana pengganas ada di mana-mana dan mereka boleh pergi ke mana-manapun," katanya.

-- BERNAMA

NH MAI